

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 6 OKTOBER 2017 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	VX dikesan pada pakaian tertuduh - Saksi	BERNAMA
2.	Saksi sahkan racun VX pada baju dua tertuduh	Berita Harian
3.	Sapu agen saraf pada mata lebih berkesan	Berita Harian
4.	Proses pengecaman baju akan dibuat di Jabatan Kimia	Kosmo
5.	VX found on clothing of Siti Aisyah, Duan	Malay Mail
6.	Suspects' clothing had traces of VX, lab expert says	The Sun
7.	Lagi suspek mungkin ditahan susulan kematian, kecederaan anggota TLDM	BERNAMA
8.	Polis ambil keterangan 35 saksi	Berita Harian
9.	35 questioned over seamen's death	Malay Mail
10.	Fasa peralihan monsun hingga awal November	BERNAMA
11.	Peralihan monsun diramal bermula esok	Berita Harian Online
12.	Hujan lebat, ribut petir hingga awal November	Berita Harian
13.	Waspada fenomena hujan batu	Kosmo
14.	Sabah gets more seismic sensors to spot quakes	The Star



VX Dikesan Pada Pakaian Tertuduh - Saksi

SHAH ALAM, 5 Okt (Bernama) -- Kesan degradasi produk VX ditemui pada pakaian dua tertuduh yang didakwa membunuh Kim Jong Nam atau Kim Choi, abang kepada pemimpin Korea Utara, Kim Jong-un, Februari lepas, demikian Mahkamah Tinggi di sini diberitahu hari ini.

Ketua Makmal Pusat Analisis Senjata Kimia, **Jabatan Kimia Malaysia**, Dr S. Raja berkata berdasarkan kajiannya terhadap sampel barang kes, VX ditemui pada kemeja tanpa lengan tertuduh, Siti Aisyah serta baju putih yang tertera frasa 'LOL' milik Doan Thi Huong.

"Kami mengesan degradasi produk VX, yang dikenali sebagai asid VX pada kemeja tanpa lengan Siti Aisyah manakala pada baju Doan, kami mengesan VX dan pelopor VX...bagaimanapun tiada VX ditemui pada selendang Siti Aisyah," kata saksi pendakwaan kelapan itu pada perbicaraan kes pembunuhan Kim Chol.

Katanya, beliau memperoleh pakaian tersebut daripada pegawai penyiasat.

Menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya, Wan Shahrudin Wan Ladin pada sesi pemeriksaan utama, Raja berkata kewujudan pelopor dan degradasi produk asal mengesahkan kehadiran VX itu sendiri. Beliau, yang menjalankan analisis mengenai blazer mangsa, juga berkata beliau menemukan VX pekat pada blazer tersebut.

Wan Shahrudin : Dalam analisis anda mengapa anda mendapati banyak struktur dalam barang kes ini?

Raja: "Saya menganggap wujud VX paling pekat dalam sampel ini. Mana-mana bahan kimia yang dikenal pasti, mesti mempunyai tahap kepekatan melebihi had pegesanan. Secara asanya, saya boleh mengatakan bahawa VX paling banyak pada sampel ini. Sampel itu adalah sekeping blazer mangsa."

Siti Aisyah, seorang wanita warga Indonesia berusia 25 tahun dan wanita Vietnam, Doan Thi Huong, 28, didakwa bersama-sama dengan empat lain yang masih bebas, membunuh Kim Chol, 45, di balai berlepas di Lapangan Terbang Antarabangsa KL2 (klia2) pada jam 9 pagi, 13 Feb lepas.

Raja, yang menjalankan analisis barang kes pada 21 Feb lepas, berkata beliau juga menemui kesan-kesan produk VX pada cebisan potongan kuku jari dengan dilabel 'Doan Thi Huong'.

Wan Shahrudin : Adakah VX satu senjata untuk membunuh manusia?

Raja: Ya

Wan Shahrudin : VX boleh digunakan untuk membunuh seseorang?

Raja: Ya

Wan Shahrudin : Bolehkah anda letak VX dalam botol dan sembur pada muka seseorang?

Raja: Tidak boleh kerana kelikatannya tertalu tinggi untuk disembur dan digunakan sebagai aerosol.

Wan Shahrudin : Boleh anda sembur untuk membunuh seseorang?

Raja: Ya, jika dos yang digunakan cukup dan bergantung kepada laluan penembusan.

Beliau turut berkata berdasarkan kajiannya, seseorang individu yang terdedah kepada agen saraf VX dengan dos bersesuaian serta laluan kemasukannya yang betul, boleh membawa maut dalam tempoh seminit.

Apabila menggambarkan sifat fizik VX, Raja yang berkhidmat dengan Jabatan Kimia sejak 2015, berkata ia adalah agen saraf paling toksik yang pernah dihasilkan di mana hanya setitik mengandungi 10mg, sudah cukup untuk mengakibatkan gangguan sistem saraf yang serius dan mengundang maut.

"Pada asasnya, dalam bentuk tulen, VX adalah tidak berbau, tak berasa, ceceair berminyak tanpa berwarna dan larut dalam air sejuk. Ia sukar dikesan dan mudah dibawa," katanya.

Menjawab satu lagi soalan, Raja, yang mempunyai 13 tahun pengalaman dalam senjata kimia, berkata VX boleh dipindah ke botol biasa seperti botol air mineral.

"Oleh itu, ia sukar dikesan. Setahu saya, tidak ada alat pengesan di lapangan terbang di Malaysia untuk mengesan VX. Saya pernah melihat alat pengesan agen saraf di Amerika Syarikat dan United Kingdom seperti AP4C, AP2C dan CAM," katanya.

Menjawab kepada soalan sama ada VX boleh dibawa dari Korea Utara dalam sebuah botol air, beliau menjawab: 'Ya'.

Mengulas lanjut mengenai VX, Raja berkata kadar penembusan yang sangat cepat ke tubuh manusia adalah melalui kepala, leher, mata, telinga, penyedutan, pengingesan serta kulit yang cedera berbanding dengan permukaan lengan, tangan dan kaki.

"Berdasarkan kajian saya, jika anda terkena VX di tapak tangan, cara terbaik adalah untuk membasuh dan menggosoknya dengan air mengalir dalam masa 15 minit," katanya sambil menambah bahawa ini adalah senjata kimia sebenar yang pertama kali beliau melakukan analisis.

Prosiding perbicaraan di hadapan hakim Datuk Azmi Ariffin disambung semula Isnin ini.

-- BERNAMA

Saksi sahkan racun VX pada baju dua tertuduh

➔ Pakar analisis senjata kimia
rumus wujud agen saraf selepas
jalankan ujian ke atas barang kes

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan
Ahmad Johari Mohd Ali
bhnews@bh.com.my

Shah Alam

Pakar analisis senjata kimia semalam, mengesahkan racun agen saraf VX ditemui pada baju dipakai dua tertuduh wanita warga Indonesia dan Vietnam yang menghadapi tuduhan membunuh warga Korea Utara Kim Chol (yang didakwa sebagai abang pemimpin Korea Utara Kim Jong-nam) pada 13 Februari lalu.

Ketua Makmal Pusat Analisis Senjata Kimia, Jabatan Kimia Malaysia, Dr S Raja, dalam keterangannya merumuskan wujud VX

pada kedua-dua baju tertuduh selepas menjalankan analisis berkaitan senjata kimia ke atas kedua-dua barang kes berkenaan.

Menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya Wan Shahrudin Wan Ladin pada pemeriksaan utama, saksi itu berkata, bahan berkenaan dikesan pada baju-T tanpa lengan milik tertuduh pertama Siti Aisyah dan baju-T putih dengan cetakan 'LOL' di bahagian hadapan milik tertuduh warga Vietnam, Doan Thi Huong.

VX tak ditemui pada skaf

Bagaimanapun, katanya, bahan itu tidak ditemui pada skaf Siti Aisyah.

Dr Raja yang juga satu-satunya warga Malaysia memperoleh lja-

zah Doktor Falsafah dalam bidang analisis senjata kimia, berkata kedua-dua baju-T yang dianalisis itu diberi oleh pegawai penyiasat kes.

Beliau yang kali pertama menjalankan analisis terhadap sampel sebenar VX, berkata bahan itu yang stabil, wujud dalam bentuk cecair pada suhu bilik, tidak berwarna, tidak berbau dan tidak mempunyai rasa dalam bentuk asal.

Dr Raja berkata, dari aspek tahap keracunan, agen saraf VX adalah paling beracun dengan setitik sudah mencukupi untuk memudahkan sistem saraf manusia jika digunakan dalam bentuk asal.

"Jika terkena pada kulit, apa yang perlu dilakukan ialah membasuh dengan air mengalir dan

menggosok dalam tempoh 15 minit selepas terkena bahan berkenaan," katanya.

Tiada kelengkapan kesan VX

Ditanya Wan Shahrudin sama ada agen saraf VX boleh dibawa dalam botol air galian, saksi itu menjawab: "Ya, kerana kita tidak mempunyai kelengkapan untuk mengesannya."

Dr Raja berkata, alat pengesan khas perlu digunakan untuk mengesan bahan itu dan berdasarkan pengetahuannya, peralatan itu tidak dilengkapi di lapangan terbang negara ini.

Wan Shahrudin: Sebagai contoh, bolehkah ia dibawa dari Korea Utara ke negara ini?

Dr Raja: Ya.

Wan Shahrudin: Adakah pengesan itu ada digunakan di lapangan terbang Amerika Syarikat dan United Kingdom?

Dr Raja: Ada.

Dr Raja berkata, antara jenis alat pengesan VX ialah AP4C, AB2C dan CAM.

Katanya, bahan VX tidak boleh didapati dalam persekitaran biasa kerana ia bahan kimia sintetik.

Beliau berkata, cara terbaik untuk memindahkan bahan itu ke dalam tubuh manusia adalah melalui mata kerana dapat menyerap lebih cepat berikutan mukus membran mata tiada penghalang dan mempunyai kapilari darah yang banyak berbanding tapak tangan yang merangkumi tisu dan lemak.



Dr Raja diiringi polis memberi keterangan di Mahkamah Tinggi Shah Alam, semalam.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (MAHKAMAH) : MUKA SURAT 28
TARIKH : 6 OKTOBER 2017 (JUMAAT)

Sapu agen saraf pada mata lebih berkesan

Shah Alam: Mahkamah Tinggi di sini semalam, diberitahu cara terbaik menggunakan agen saraf VX bagi membunuh adalah dengan cara menyapu bahan itu pada mata dan kulit di leher.

Saksi pendakwaan kelapan, Ketua Makmal Pusat Analisis Senjata Kimia, Jabatan Kimia Malaysia, **Dr S Raja**, berkata ia berdasarkan kajian sebelum ini yang menunjukkan kemasukan racun itu lebih cepat melalui mata.

"Jika anda menyemburnya, anda perlu menggunakan pelarut untuk mengurangkan kelikatan VX supaya ia boleh disembur sebagai aerosol.

"Anda akan memperoleh kesan terlarut, maka ia perlu mengu-

nakannya dengan banyak untuk mendapatkan kesan sama," katanya dalam perbicaraan kes pembunuhan Kim Chol (yang didakwa sebagai abang kepada pemimpin Korea Utara, Kim Jong-nam), di sini, semalam.

Agen saraf paling toksik

Dr Raja memberitahu mahkamah, agen saraf VX boleh digunakan untuk membunuh manusia dengan cara meyimbahnya jika dos VX bersesuaian serta ada laluan kemasukannya.

Katanya, VX adalah agen saraf paling toksik pernah dihasilkan oleh manusia.

Beliau berkata, keadaan VX yang stabil menjadikannya bahan sa-

ngat strategik bagi menasarkan seseorang individu tanpa memberi kesan kepada sekeliling.

Terdahulu, ketika membaca laporan analisis dijalankan terhadap sampel yang diserahkan kepadanya oleh pegawai penyiasat kes, Asisten Superintendan Wan Azirul Nizam Wan Che Wan Aziz, pada 16 Februari lalu, Dr Raja berkata, beliau mendapati kesan VX banyak di kot milik mangsa selain keratan kuku berlabel 'Doan Thi Huong'.

Hakim Datuk Azmi Ariffin menetapkan perbicaraan dijalankan di Jabatan Kimia Malaysia di Petaling Jaya Isnin ini, untuk pengesanan bahan bukti berikutan agen saraf VX pada beberapa sampel masih aktif dan boleh memudaratkan.



Keratan BH semalam.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 14
TARIKH : 6 OKTOBER 2017 (JUMAAT)

Proses pengecaman baju akan dibuat di Jabatan Kimia

SHAH ALAM - Proses pengecaman baju dipakai dua wanita warga asing termasuk tertulis perkataan 'LOL' yang dipercayai digunakan ketika meny-erang pemimpin dalam buan-gan Korea Utara, Kim Jong-nam akan dilakukan di Jabatan Kimia Malaysia, Petaling Jaya di sini pada Isnin depan.

Proses tersebut dijangka ber-mula pada pukul 10 pagi dengan kedua-dua tertuduh iaitu wani-

ta warga Indonesia, Siti Aisyah, 25, dan wanita Vietnam, Duan Thi Huong, 28, akan turut hadir pada pengecaman tersebut.

Perintah itu dikeluarkan Hakim Datuk Azmi Ariffin setela-h dimaklumkan oleh **Ketua Makmal Pusat Analisa Senjata Kimia, Jabatan Kimia Malay-sia, Dr. S. Raja** bahawa kedua-dua baju tersebut mengandungi agen saraf VX yang masih aktif.

Setelah selesai pengecaman,

perbicaraan akan diteruskan di Mahkamah Shah Alam semula.

Terdahulu, peguam Gooi Soon Seng yang mewakili Siti Aisyah meminta Raja yang juga saksi pendakwaan kelapan dan Timbalan Pendakwa Raya, Wan Shahrudin Wan Ladin mem-bawa baju itu untuk dikenal pasti.

Namun, Raja menyatakan bahawa ia tidak dibuka di Mahkamah Tinggi di sini bagi

tujuan pengecaman atas faktor keselamatan kerana dibimbangi terdedah kepada agen saraf VX yang masih aktif.

Agan saraf itu dipercayai daripada bahan kimia Ethyl S-2-Diisopropylaminoethyl Meth-ylphonothiolate.

"Bahan itu masih aktif dan saya menasihatkan supaya tidak dibuka di tempat terbu-ka," katanya pada prosiding per-bicaraan hari keempat tersebut.

Mengikut pertuduhan, kedua-dua wanita tersebut bersama-sama empat lagi individu yang masih bebas membunuh Jong-nam di Balai Berlepas KLIA 2, kira-kira pukul 9 pagi, 13 Febru-ari lalu.

Pertuduhan ke atas wanita warga asing itu dibuat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan huku-man mati mandatori jika sabit kesalahan.

KERATAN AKHBAR
MALAY MAIL (TOP NEWS) : MUKA SURAT 6
TARIKH : 6 OKTOBER 2017 (JUMAAT)



Dr Raja (right) arriving to testify in the murder trial. — Picture by Azneal Ishak

VX found on clothing of Siti Aisyah, Duan

By Ida Nadirah Ibrahim
 ido@mmail.com.my

SHAH ALAM — The court will visit the Chemistry Department in Petaling Jaya on Monday to examine evidence containing the deadly VX nerve agent.

High Court judge Justice Datuk Azmi Ariffin ordered the visit after Gool Soon Seng, Siti Aisyah's lawyer, demanded to see the evidence in court yesterday.

However, Centre of Chemical Weapon Agent and Analysis head chemist Dr Raja Subramaniam, who was the eighth witness, said the evidence could only be opened in a safe and controlled environment.

Gool Soon Seng: I would like to see the clothing. If not, there would not be an identification of the exhibit (evidence).

Dr Raja: The VX may still be active. Therefore, I would not recommend that the evidence be opened in public.

Gool Soon Seng: Why can it not be opened in court when it is non-volatile in room temperature and cannot spread through air? If I touch the exhibit I can wash it (the VX) off within 15 minutes.

Azmi Ariffin: I suggest we go to the Chemistry Department on Monday to have the exhibit identified so that we can finish the examination-in-chief before we proceed with cross examination.

Earlier, the court was told traces of the nerve agent were found on the clothing the accused, Siti Aisyah and Doan Thi Huong, wore on the day of the attack on Kim Jong-nam.

Replying to a question from Deputy Public Prosecutor Wan Shahrudin Wan Ladin, Dr Raja said there were also traces of the agent found on Doan's fingernails.

Wan Shahrudin: Did you find anything

on the exhibit belonging to Siti Aisyah?

Dr Raja: Yes, degradation product (traces) of VX on the sleeveless shirt. This confirms the presence of the parent compound of VX.

Wan Shahrudin: What did you find on the items belonging to accused Duan Thi Huong?

Dr Raja: Presence of VX precursor, degradation product of VX, and VX.

Dr Raja was also asked to mark the areas where VX and traces of the nerve agent were found on photos of the clothing.

On Siti Aisyah's sleeveless shirt, Dr Raja drew the letter 'Z' on four different in the front, while the letter 'X' was marked on three areas of the right sleeve and lower abdominal area on the right side.

Wan Shahrudin: How was the analysis conducted in achieving the results in the report?

Dr Raja: The sample of the exhibits were separated according to standard operating procedure for analysis in verification of chemical weapons. Once separation was complete, we performed an instrumental analysis and based on the result we received, we concluded that the samples contain VX, its precursor and degradation product.

Wan Shahrudin: How was the condition of the exhibit (belonging to Duan)?

Dr Raja: We have shredded the t-shirt, (but) we have the remaining pieces of the clothing.

Earlier, Dr Raja confirmed that the nerve agent in its pure form was found in cotton swabs from the victim's face, eyes, and mucosa.

He said the degradation product and precursor of VX were also detected on Jong-nam's blazer, t-shirt, the exterior of his bag, and in his blood and urine samples.

Hearing was adjourned until Monday.

VX HANDLING, DETECTION

► Centre of Chemical Weapon Agent and Analysis head chemist Dr Raja Subramaniam said the VX nerve agent is non-volatile in room temperature in liquid form. He said the evaporation rate for a drop (10ml) of VX takes about six days, and that - to his knowledge - only temperature would influence the volatility of VX.

► Due to its non-volatile liquid form at room temperature, as well as its colourless, odourless, and tasteless properties, Dr Raja said the nerve agent can be transported easily without being detected, such as using a normal mineral water bottle.

► Dr Raja said VX can be detected by specialised equipment, which is currently not present at Malaysian airports.

► Dr Raja said the nerve agent needs to be washed under running water with physical rubbing for a certain period of time, 15 minutes upon contact of the VX. The 15 minutes is based on a study conducted on human beings.

KIM JONG-NAM
MURDER TRIAL
DAY 4



WHO'S WHO

Judge

DATUK AZMI ARIFFIN



DEPUTY PUBLIC PROSECUTORS

- Muhamad Iskandar Ahmad (lead)
 - Wan Shahrudin Wan Ladin
 - Raja Zaizul Faridah Raja Zaharudin
 - Mohd Fairuz Johari
 - Mohamad Mustaffa P. Kunyalam
 - Syed Farid Syed Ali

DEFENCE COUNSEL

(Siti Aisyah)
 - Gool Soon-seong (lead)
 - Azura Alias
 - Assistant counsels:
 Selvi Sandrasegaram,
 Cheong Kak Seng, Wong
 Kah Hoong



DEFENCE COUNSEL

(Duan Thi Huong)
 - Hiyam Teh Poh Teik (lead)
 - Datuk Naran Singh
 - Salim Bashir
 - Ashvinder Kaur



The Accused

SITI AISYAH, 25



DOAN THI HUONG, 29



The Victim

KIM JONG-NAM, 45



Suspects' clothing had traces of VX, lab expert says

BY G. SURACH
newsdesk@thesundaily.com

SHAH ALAM: The VX (nerve agent) poison, as well as its precursor and degradation elements, were discovered on the clothing items of both murder suspects Siti Aisyah, 25, and Doan Thi Huong, 29, the High Court heard yesterday.

Chemistry Department's centre of chemical weapon analysis lab head Dr Raja Subramaniam (pix), 42, confirmed the degradation elements of VX were found on a sleeveless T-shirt belonging to Siti following a test conducted on case items, including the suspects' clothing.

Raja, who is the eighth witness in the trial, also confirmed that Doan's white jumper with the "LOL" motive also had traces of VX poison as well as precursor and degradation elements of it.

Traces of degradation elements were also discovered on Doan's fingernail samples.

When asked by deputy public prosecutor Wan Shahrudin Wan Ladin on the meaning of precursor and degradation elements, Raja said the elements confirmed the presence of VX substance.

"It is the deadliest nerve agent created.

"Just one drop containing 10mg is enough to cause fatal disruption to the nervous system," he told the High Court



Kim Jong-Nam
MURDER TRIAL



The accused

Siti Aisyah

Doan Thi Huong

during the murder trial of Kim Chol, or better known as Kim Jong-Nam, yesterday.

Following a request by defence counsel Gooi Soon Seng to witness the evidence exhibit which allegedly contain VX, Wan Shahrudin proposed that the display session be conducted in a safe environment at the Chemical Department in Petaling Jaya.

Declaring that the place will be an open court, High Court judge Datuk Azmi Ariffin ruled that the next court session will be held at the laboratory in the Chemical Department at room on Monday.

He also ordered Siti and Doan, as well as their respective counsels be present during the session.

The trial and subsequent cross examination by the defence on Raja will continue at the High Court following the session.

Indonesian Siti and Vietnamese Doan along with four others still at large, were charged with the murder of Kim, 45, at the KL International Airport 2 (klia2) departure hall on Feb 13.





Lagi Suspek Mungkin Ditahan Susulan Kematian, Kecederaan Anggota TLDM

IPOH, 5 Okt (Bernama) -- Polis tidak menolak kemungkinan ada lagi suspek akan ditahan dalam kes kematian dan kecederaan anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di Bilik Tahanan Unit Sungai Wangi, Sitiawan.

Ketua Polis Negara Tan Sri Mohamad Fuzi Harun berkata 'kemungkinan itu ada' namun tidak boleh mendedahkannya sekarang.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas majlis penganugerahan Pingat Jasa Pahlawan Negara Kontinjen Perak di sini hari ini.

Mohamad Fuzi berkata sehingga semalam, tujuh anggota TLDM ditahan dan lima daripadanya disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan berikutan kematian dua anggota pada 29 Sept dan tempoh reman ke atas semua suspek akan berakhir 7 Okt.

"Dua daripada yang disiasat mengikut Seksyen 302 juga disiasat mengikut Seksyen 325/506 Kanun Keseksaan kerana mendatangkan cedera parah dan ugutan," katanya.

Beliau berkata dua lagi ditahan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 325/506 Kanun Keseksaan susulan laporan polis yang dibuat oleh dua anggota akibat kecederaan semasa berada di bilik tahanan dan tempoh reman mereka berakhir 6 Okt (esok).

Mohamad Fuzi berkata dua anggota yang cedera itu masih dirawat di Hospital Angkatan Tentera di Lumut.

Mengulas lanjut, beliau menjelaskan bahawa seramai 35 saksi telah dirakam percakapan termasuk lapan tahanan di bilik tahanan berkenaan selain orang awam.

"Dalam tempoh kejadian terdapat 10 orang tahanan di bilik berkenaan, dua daripadanya meninggal dunia," katanya.

Beliau berkata semua anggota terbabit menjadi tahanan kerana kesalahan di bawah Akta Angkatan Tentera 1972; Kaedah-kaedah Acara Angkatan Tentera (Penjaraan Dan Tahanan) 1976 serta Perintah Majlis Angkatan Tentera Bilangan 4 Tahun 1982.

Katanya sebanyak 57 barang kes termasuk kamera litar tertutup (CCTV) telah dirampas dan dihantar ke **Jabatan Kimia** dan semua masih dalam tindakan dan sedang diproses oleh para pakar.

"Pihak polis telah mendapat kerjasama sepenuhnya daripada pihak TLDM untuk melengkapkan siasatan," Mohamad Fuzi.

Jumaat lepas, dua anggota TLDM LK 1 Muhammad Baihaqy Nik Mat, 28, dan LK 1 TLS Muhammad Lailatuliman Mohd Sukri, 26, meninggal dunia di bilik tahanan itu dipercayai akibat didera, berdasarkan laporan bedah siasat daripada Jabatan Patologi Hospital Raja Permaisuri Bainun.

Pada 2 Okt pula, dua anggota TLDM tampil membuat laporan polis selepas mengalami kecederaan di bilik tahanan sama.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (ISU) : MUKA SURAT 24
TARIKH : 6 OKTOBER 2017 (JUMAAT)

KES DUA ANGGOTA TLDM MATI AKIBAT DIDERA

Polis ambil keterangan 35 saksi

➔ 57 barang kes dihantar ke Jabatan Kimia untuk pemeriksaan lanjut

Oleh Shamsul Kamal Amarudin, Tuty Haryanti Ahmad Rodzi dan Farah Suhaidah Othman
bhnews@bh.com.my

■ Ipoh

Polis sudah mengambil keterangan daripada 35 saksi bagi membantu siasatan kes kematian dua anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) serta kecederaan dua lagi anggota pasukan itu ketika berada dalam tahanan di Bilik Tahanan Unit Sungai Wangi, Sitiawan.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun, berkata saksi berkenaan termasuk lapak tahanan yang berada di pusat tahanan itu, anggota TLDM lain dan orang awam.

"Pada masa sama, polis merampas 57 barang kes yang sudah dihantar ke Jabatan Kimia untuk pemeriksaan lanjut," katanya pada sidang media selepas Majlis Penganugerahan Jasa Pahlawan Negara di sini semalam.

228 terima anugerah

Seramai 228 bekas pegawai dan anggota polis menerima anugerah itu yang disampaikan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir.

Dalam kejadian Jumaat lalu, dua anggota TLDM meninggal dunia ketika menjalani latihan fizikal di pusat tahanan itu, sebelum dua lagi anggota dimasukkan ke hospital dua hari kemudian akibat kecederaan di perut disyaki didera.

Mohamad Fuzi berkata, dalam tempoh kejadian, seramai 10 anggota TLDM menjadi tahanan di unit berkenaan kerana kesalahan mengikut Akta Angkatan Tentera 1972, Kaedah-Kaedah Acara-Acara Angkatan Tentera (Penjaraan Dan Tahanan) 1976, Perintah Majlis

Angkatan Tentera Bil 4 Tahun 1982.

Beliau berkata, polis mungkin memohon menyambung renan semua suspek bagi mengungkapkan lagi siasatan.

"Laporan forensik di tempat kejadian, komputer dan rakaman kamera litar tertutup (CCTV), perubatan dan kimia masih dalam tindakan dan sedang diproses oleh pakar berkaitan," katanya.

Video cuba kait kes dera

Sementara itu, di Port Dickson, Panglima Angkatan Tentera, Tan Sri Raja Mohamed Affandi Mohamed Nor, kesal dengan tindakan pihak yang sengaja menyebarkan klip video lama, kononnya memaparkan rakaman anggota tentera didera.

Beliau berkata, klip video itu adalah rakaman ketika latihan pasukan khas beberapa tahun lalu dan tindakan sudah diambil terhadap mereka terbahagi.

Katanya, penyebaran video itu dipercayai bertujuan mengaitkannya dengan kematian dua anggota TLDM di Pusat Tahanan Unit Sungai Wangi di Sitiawan, Perak, yang dipercayai didera.

"Dua tiga hari ini ada viral video berkenaan latihan pasukan khusus. Saya berharap perkara ini dihentikan segera kerana itu dua perkara berbeza.

"Hormati kaedah latihan yang ada kerana seperti kita sedia maklum, latihan anggota tentera bertujuan membina fizikal dan mental yang kuat," katanya pada sidang media selepas Majlis Pembubaran dan Penganugerahan Pingat Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Batalion Malaysia 850-4 (MALBAT 850-4) di Pusat Latihan Asas Tentera Darat (PUSASDA) di sini, semalam.

35 questioned over seamen's death

By Loghun Kumaran
loghun@mmail.com.my

IPOH — Police have recorded statements from 35 people in their investigation into the fatal abuse of two Royal Malaysian Navy (RMN) personnel at the Sungai Wangi Navy Communications Centre in Sitiawan.

Inspector-General of Police Tan Sri Mohammad Fuzi Harun said the witnesses were made up of RMN personnel and civilians, including eight detainees who had been placed at the centre during the incident.

"When the incident happened, 10 navy personnel had been detained at the centre for offences under the Armed Forces Act 1972," he said in a statement here yesterday.

"Two of them died, while only two others came forward to lodge police reports after they were (allegedly) abused and injured."

Fuzi said police also seized 57 items and sent them to the **Chemistry Department** for analysis.

According to previous reports, these items included a closed-circuit television (CCTV) set, seven T-batons, a duty log book, a standard operating procedure log book, and three headphones.

"Forensic, medical, chemical, and closed-circuit television reports are still being processed by the experts," said Fuzi.

Seamen Nik Mohd Baiqahy Nik Mat, 28, and Muhammad Lailatuliman Mohd Shuriboth, 26, died in the detention centre last Friday after complaining of breathing difficulties and vomiting.

Mohamad Lailatuliman had been detained



Fuzi said seven RMN detention centre personnel have been taken into custody.

for being absent without approval, while Nik Mohd Baiqahy was serving a 45-day detention order after he failed to attend a service assignment.

They died due to bleeding in the lungs caused by blunt force trauma.

On Tuesday, another two RMN personnel lodged police reports, claiming that they

were also assaulted while detained at the same centre.

The duo, both 30 years old, were warded at the Lumut Naval base hospital to receive treatment for abdominal injuries.

Fuzi said seven RMN detention centre personnel had been taken into custody in both cases.

"Five of them, aged between 29 and 37, were arrested in relation to the murder case, and have been remanded from Sept 30 to Oct 7," he explained.

"There are four suspects in the second case, and they are being investigated for causing grievous hurt. Two of these suspects are also involved in the murder case."



Fasa Peralihan Monsun Hingga Awal November

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- Malaysia memasuki fasa peralihan monsun mulai esok dan dijangka berterusan hingga awal November.

Jabatan Meteorologi Malaysia berkata ia juga lazimnya menjurus kepada kejadian hujan lebat dan ribut petir setempat dalam jangka masa singkat serta angin kencang lebih kerap berlaku terutama pada waktu petang serta awal malam.

Ia melibatkan kebanyakan kawasan negeri-negeri di pantai barat dan pedalaman Semenanjung, pantai barat Sabah serta kawasan barat dan tengah Sarawak.

"Orang ramai dinasihatkan lebih berwaspada terhadap impak ribut petir yang kerap berlaku semasa fasa peralihan monsun seperti hujan lebat, angin kencang dan petir," kata kenyataan jabatan itu hari ini.

-- BERNAMA



Peralihan monsun diramal bermula esok

KUALA LUMPUR: Peralihan monsun yang diramal bermula esok sehingga awal bulan depan, dijangka menyebabkan ribut petir, banjir kilat dan ribut.

Angin kencang juga diramal menghasilkan hujan batu di beberapa tempat dan puting beliung berskala kecil susulan pembentukan awan kumulunimbus.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Alui Bahari, berkata pada masa sama, kawasan serantau negara ini akan menerima tiupan angin dari pelbagai arah dengan kelajuan lemah.

"Dalam tempoh ini, kejadian hujan lebat dan ribut petir dalam waktu singkat serta angin kencang akan lebih kerap berlaku, terutama pada waktu petang dan awal malam.

"Keadaan ini biasanya berlaku di negeri pantai barat dan pedalaman Semenanjung, pantai barat Sabah, kawasan barat serta tengah Sarawak," katanya ketika dihubungi BH, hari ini.

Beliau berkata, peralihan monsun biasa berlaku setiap tahun tetapi kesannya tidak serius berbanding cuaca musim tengkujuh yang diramal November ini.

"Elakkan meletak kenderaan di kawasan mempunyai banyak pokok tinggi dan papan tanda yang dikhuatiri boleh tumbang akibat angin kencang atau ribut petir," katanya.

Maklumat terkini berkaitan cuaca boleh diperoleh melalui laman web Jabatan Meteorologi Malaysia atau www.met.gov.my, aplikasi mobil-myCuaca, Facebook malaysiamet, Twitter @malaysiamet atau MMD Hotline di talian 1300 22 1MET (1638).

Hujan lebat, ribut petir hingga awal November

➔ Peralihan monsun diramal landa sebahagian Semenanjung, Sabah, Sarawak mulai hari ini

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Peralihan monsun yang diramal bermula hari ini sehingga awal bulan depan, dijangka menyebabkan ribut pe-

tir, banjir kilat dan ribut.

Angin kencang juga diramal menghasilkan hujan batu di beberapa tempat dan puting beliung berskala kecil susulan pembentukan awan kumulonimbus.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Alui Bahari, berkata pada masa sama, kawasan serantau negara ini akan menerima tiupan angin dari pelbagai arah dengan kelajuan lemah.

Hujan waktu petang, malam

"Dalam tempoh ini, kejadian hujan lebat dan ribut petir dalam waktu singkat, serta angin kencang lebih kerap berlaku, terutama pada waktu petang dan awal malam.

"Keadaan ini biasanya berlaku di negeri pantai barat dan pedalaman Semenanjung, pantai barat

Sabah, kawasan barat serta tengah Sarawak," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Beliau berkata, peralihan monsun biasa berlaku setiap tahun, tetapi kesannya tidak serius berbanding cuaca musim tengkujuh yang diramal November ini.

"Elakkan meletak kenderaan di kawasan mempunyai banyak pokok tinggi dan papan tanda yang dikhuatiri boleh tumbang akibat angin kencang atau ribut petir," katanya.

Maklumat terkini berkaitan cuaca boleh diperolehi melalui laman web Jabatan Meteorologi Malaysia atau www.met.gov.my, aplikasi [mobil-myCuaca](#), Facebook [malaysiamet](#), Twitter [@malaysiamet](#) atau MMD Hotline di talian 1300 22 1MET (1638).



[FOTO HIASAN]

Orang ramai diingatkan supaya tidak meletak kenderaan bawah pokok berikutan ramalan angin kencang.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 14
TARIKH : 6 OKTOBER 2017 (JUMAAT)

Peralihan monsun bermula hari ini bakal menyebabkan puting beliung kecil

Waspada fenomena hujan batu

KUALA LUMPUR – Pakar kaji cuaca memberi amaran kepada orang ramai agar lebih berwaspada pada musim peralihan monsun yang bermula hari ini kerana boleh menyebabkan hujan batu dan puting beliung kecil di beberapa tempat di Semenanjung Malaysia.

Profesor Klimatologi dan Oseanografi Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Fredolin Tangang berkata, musim peralihan monsun itu juga dijangka menyebabkan angin kencang, ribut petir dan banjir kilat.

Katanya, kejadian puting beliung kecil dikenali sebagai belalai darat biasanya berlaku di kawasan rata bahagian utara terutamanya pada waktu petang dan lewat petang.

Jelas Fredolin, peralihan musim-musim monsun berkait rapat dengan tekanan tinggi rendah di kawasan Siberia dan Australia semasa musim sejuk serta panas.

"Perbezaan tekanan menjana angin monsun seperti diramalkan tetapi antara bulan Mac hingga Mei dan September hingga awal November, tiupan angin monsun menjadi lemah kerana perbezaan tekanan udara rendah antara kawasan tersebut yang dipanggil musim antara monsun.

"Keadaan tiupan angin di bahagian atas atmosfera yang lemah semasa musim antara monsun menyebabkan perolakan tempatan mudah berlaku terutama di pantai barat Semenanjung berbanding pantai timur," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.



FREDOLIN



PUTING beliung kecil di darat dipanggil belalai darat biasanya berlaku di kawasan rata di negeri-negeri utara Semenanjung.



HUJAN batu antara fenomena yang boleh berlaku semasa musim peralihan monsun.



Menurut Fredolin, Malaysia mengalami iklim dua monsun iaitu monsun timur laut dari bulan November hingga Februari dan monsun barat daya dari bulan Mac hingga Mei.

"Cuaca sepanjang tempoh peralihan monsun ini sukar diramal beberapa hari lebih awal berikutan ia terbentuk dengan pantas.

"Justeru, orang ramai dinasihatkan agar sentiasa mengikuti perkembangan terkini dikeluarkan Jabatan Meteorologi Malaysia (*Met-Malaysia*)," ujarnya.

Dalam pada itu, MetMalaysia dalam satu kenyataan semalam menasihatkan penduduk di beberapa negeri berwaspada terhadap impak ribut petir semasa fasa peralihan monsun bermula hari ini sehingga awal bulan depan.

Ketua Pengarahnya, Alui Bahari berkata, kejadian hujan lebat dan ribut petir setempat dalam jangka masa singkat serta angin kencang akan berlaku lebih kerap terutamanya pada waktu petang dan awal malam dalam tempoh tersebut.

Sabah gets more seismic sensors to spot quakes

KOTA KINABALU: With more seismic sensors installed in Sabah, geologists are now in a better position to identify areas where earthquakes could occur.

Sabah Meteorological Services Department director Azmi Daud said the number of the sensing equipment had increased from 13 to 28, with the bulk of them installed in areas surrounding Mount Kinabalu.

He said the state now had the highest concentration of seismic sensors in the country as it had more underground fault lines.

"The additional seismic stations around the mountain, where a 6.0 magnitude quake occurred two years ago, were located at Kinabalu Park, the Poring hot springs, Sorinsim station near Kota Marudu, SMK Matupang in Ranau, Tamparuli, and three in Kota Belud.

"The other seismic stations were located in Pitas, Tenom, Beluran, Kinabatangan, Kunak and Lahad Datu," he said.

According to the Malaysian Meteorological Services Department records, Ranau was the most active area with tremors occurring five times since January.

Tremors occurred in Lahad Datu three times over the past nine months, making the east coast district the second most active area in Sabah.